



# PEMERKASAAN PERUNDANGAN SYARIAH DI MALAYSIA

STRENGTHENING  
ISLAMIC JURISPRUDENCE  
IN MALAYSIA



**Penerbit:**

Biro Penerangan dan Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama  
Parti Keadilan Rakyat  
A-3-09, Merchant Square  
Jalan Tropicana Selatan 1  
47410 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia

Hakcipta © 2016

Cetakan Pertama

## **Kandungan/Content**

Kata Pengantar daripada Presiden	2
Foreward by the President	3
Pendirian KEADILAN berkaitan RUU 355	4
Nota Kaki	19
KEADILAN's position on the Bill 355	20
Footnote	34

## Kata Pengantar Presiden

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kami memilih untuk mengedarkan kenyataan lengkap pendirian pimpinan KEADILAN mengenai RUU 355 bagi mengelak kekeliruan dan menyebarkan sikap kami. Keputusan pengedaran risalah ini dibuat secara sebulat suara oleh Mesyuarat Biro Politik parti.

Dengan hormat dipohon saudara-saudari membaca dengan teliti keseluruhan teks tersebut.

Kepada Allah SWT dipohon petunjuk dan keberkatan.

**Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail**

Presiden

Parti KEADILAN Rakyat

---

## Foreward by the President

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

We choose to issue a comprehensive position statement by KEADILAN's leaders on the Bill 355 to avoid confusion and circulate our stand. The decision to issue this booklet was made unanimously by the party's political bureau.

We graciously invite you to read thoroughly the whole text.

To Allah SWT we ask for guidance and blessings.

**Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail**

President

Parti KEADILAN Rakyat

---

## **PENDIRIAN Keadilan Mengenai RUU 355**

### **Mengangkat Prinsip Keadilan**

Keadilan sebagai sebuah wadah perjuangan sentiasa mengangkat dan memperjuangkan prinsip keadilan, kemanusiaan dan berdasarkan nilai-nilai Islam sebagai "rahmatan lil 'alamin" – rahmat kepada sekalian alam.

Usaha memperkasakan undang-undang syariah bagi umat Islam perlu diteruskan dengan hikmah dan penjelasan teliti kepada rakyat.

Pasca kemerdekaan, usaha memartabatkan syariah telah pun diusahakan secara bertahap mencakup langkah memperkukuh institusi agama seperti zakat, dan dakwah serta memperluas peranan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri.

Dari sudut perundangan dan hukum, negeri Kelantan di bawah pimpinan al-marhum Dato' Seri Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menambah peruntukan dan bidang kuasa beberapa aspek syariah dan takzir dalam Enakmen tahun 1993.

Di peringkat Persekutuan, atas inisiatif al-marhum Tan Sri Datuk Prof. Ahmad Ibrahim dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dikemukakan peruntukan Perlembagaan Perkara 121 (1A) bagi mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah tanpa menjejaskan hak bukan Islam merujuk kes ke mahkamah sivil. Perlu dijelaskan bahawa rang undang-undang tersebut telah dibincang teliti oleh Badan Perunding Islam, Pusat Islam (sebelum JAKIM) dan kabinet.

Maka terdapat usaha seterusnya untuk memperbaiki struktur dan institusi mahkamah syariah. Kursus Diploma bagi kadi-kadi juga diperkenalkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bagi menyediakan mereka dengan kaedah perundangan dan kesaksian.

### **Langkah Susulan Kerajaan Negeri**

Kerajaan-kerajaan Negeri perlu mengambil langkah susulan dari sudut perundangan dan pementapan institusi. Ini telah dilakukan di Negeri Selangor dengan penambahan peruntukan dan beberapa langkah mengukuh institusi agama termasuk tindakan progresif Mahkamah Syariah Selangor yang melantik dua orang hakim wanita Mahkamah Tinggi Syariah dan empat penolong pendaftar Mahkamah Rendah Syariah demi memastikan kelancaran perundangan syaria'ah.

Langkah sedemikian perlu diteruskan bagi memantapkan institusi kehakiman syariah selaras dengan tugas yang bertambah. Namun masih terdapat kelemahan yang perlu di atasi. Di antara yang dikenalpasti adalah skim dan elaun hakim mahkamah syariah yang agak jauh berbeza ketinggalan dengan hakim mahkamah sivil.

Hal tersebut didedahkan oleh Dato' Dr. Hj Mohd Na'im Mokhtar, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Selangor, bahawa seorang Hakim Mahkamah Syariah menerima gaji mendengar kes penjagaan anak hanya RM6,000 manakala hakim mahkamah sivil yang mendengar kes yang sama menerima gaji RM40,000.[ii](#)

Perbedaan gaji boleh diterima berdasarkan pengalaman yang berbeda tetapi jurang sedemikian dianggap tidak munasabah.

Kerajaan negeri Pulau Pinang juga telah menambah peruntukan dua kali ganda kepada Jabatan/Majlis Agama dari jumlah sebelumnya. Namun terdapat keterbatasan dan kelemahan dalam pelaksanaan keputusan Mahkamah Syariah tanpa tindakan yang diambil oleh kerajaan Persekutuan. Hal yang sama berlaku, terutama manakala kerajaan Kelantan menambah kuasa Mahkamah Syariah seperti dalam Enakmen 1993.

Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang mendedahkan kepincangan malah pelanggaran prinsip hukuman dan layanan terhadap pesalah kerana diletakkan dipenjara bersama banduan kesalahan sivil dan jenayah lainnya seperti kesalahan dadah, rogol, merompak dan lain-lain. Pesalah dalam kes Syariah patut dibezakan kerana penekanannya adalah pendidikan dan keinsafan.[.iii](#)

### **Mengenalpasti dan Memperbaiki Kelemahan**

Beberapa kelemahan lain dalam undang-undang Syariah dan pelaksanaannya perlu dikenalpasti dan diperbaiki. Terdapat peruntukan menghalang pendakwah berkelayakan atas alasan tauliah sejati yang melibatkan Ustaz Mat Isa Deraman; Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis; Ustaz Abdullah Yassin dan lebih serius dengan hukuman setahun penjara ke atas Ustaz Rasul Dahri.

Yang perlu dilarang adalah ajaran sesat; anjuran keganasan tetapi kegiatan dakwah sihat tidak wajar dihindari. Selain itu,



kelemahan menonjol adalah kedudukan dan bidang kuasa Ketua Pendakwa Syariah yang kini merupakan seorang pegawai jabatan dan di Wilayah Persekutuan masih bertugas di bawah Ketua Pengarah Jabatan dan Menteri Agama. Ketua Pendakwa harus bebas daripada sudut undang-undang dan kuasa seperti kedudukan Peguam Negara yang diberikan kuasa pendakwaan di bawah Artikel 145 Perlembagaan.

Jika tidak, keputusan beliau akan dicurigai sepertimana yang diajukan ke Mahkamah Syariah Kehakiman oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Laporan Qazaf yang beliau kemukakan sejak tahun 2008, tidak diambil tindakan oleh Ketua Pendakwa Syariah. Berlarutan di Mahkamah, kes ini masih membahaskan soal teknikal mengapa Ketua Pendakwa enggan mendakwa. Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 27 Oktober mohon dirujuk peruntukan mengenai kesalahan qazaf yang kini hanya terbatas kepada tuduhan zina untuk dipertimbang pihak legislatif; yakni Dewan Undangan Negeri Selangor.

### **Kecelaruan Kefahaman Kepada RUU 355**

Kami memahami dan menghormati aspirasi sebahagian besar masyarakat Islam dalam negara ini menghendaki sistem perundangan Islam diperkasakan. Kami juga mengambil maklum tindakan pihak PAS melalui rang undang-undang (RUU 355) persendirian yang dicadang oleh Ahli Parlimen Marang adalah berniat untuk memartabatkan mahkamah syariah.

RUU persendirian ini mencadangkan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)

supaya had hukuman yang sedia ada untuk kesalahan-kesalahan berkaitan dengan lunas-lunas Islam iaitu tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda dan enam sebatan dibatalkan dan mahkamah syariah dibenarkan memberi hukuman selaras dengan undang-undang syariah kecuali hukuman mati.

Sebelum ini, peruntukan tersebut tidak membayangkan hasrat pelaksanaan hukum hudud selain penambahan hukuman dan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kami difahamkan bahawa RUU 355 telah dirujuk ke Jawatankuasa Teknikal bersama di antara wakil Persekutuan (UMNO) dan Kelantan (PAS). Anehnya, tidak pula dibangkitkan mengenai kegagalan kerajaan-kerajaan Negeri di bawah UMNO mengambil sebarang tindakan.

Tiada maklumat diberikan kepada umum mengenai perkembangannya. Tetapi Ogos lalu, seorang ahli Jawatankuasa Teknikal Hudud peringkat Pusat, Prof. Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz mengangap RUU 355 tiada dalam "road map" yang dibincangkan Jawatankuasa Teknikal. Beliau berpendapat RUU sedemikian harus dibentang oleh kerajaan yang memerintah, dan bukan RUU persendirian.<sup>[iii]</sup>

Setiausaha Agung PAS, Dato' Takiyuddin Hassan menolak tanggapan bahawa RUU 355 itu adalah hudud.<sup>[iv]</sup> Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom menegaskan bahawa RUU 355 tiada kaitan dengan hudud.<sup>[v]</sup> Pada 26 Oktober 2016, Tuan Guru Hj Hadi Awang menjelaskan di Parlimen, bahawa RUU berkenaan bukan hudud.

Sementara itu, beberapa tokoh politik bukan Islam dari Barisan Nasional dan DAP membantah kerana menganggap RUU 355 bertentangan dengan prinsip Perlembagaan. Pemimpin Negeri Sabah, dan terutamanya Sarawak mempertikai RUU 355 dengan nada ugutan kerana dianggap bercanggah dengan prinsip penubuhan negara Malaysia.

### **Persepsi Masyarakat**

Lantaran kesamaran maksud dan kefahaman mengenai RUU 355, persepsi ramai umat Islam adalah bahawa RUU 355 adalah langkah pelaksanaan Syariah, khususnya Hudud. Bahasa kenyataan aktivis para penyokong RUU tersebut mencela kalangan yang mempersoal peruntukan yang dicadangkan; pantas mengkafirkan sesama Islam bahkan secara gopoh menetapkan bukan Islam sebagai kafir harbi. Kekeliruan ini berbangkit kerana tanpa membaca RUU tersebut, masyarakat Islam menganggapnya sebagai hukum hudud yang ditetapkan dalam Al Quran.

Maka adalah tidak wajar jika terdapat pihak yang mempertikai hak mana-mana rakyat melahirkan pandangan mereka termasuk soal pelaksanaan Syariah atau hudud atau mengumumkan RUU tersebut. Dalam semangat yang sama adalah tidak munasabah bagi kalangan yang menghebahkan RUU tersebut sebagai hukum hudud sehingga membantah hak untuk mempertikai atau mempersoal. Kita sewajarnya meneliti pandangan pihak yang menafsirkannya sebagai bertentangan dengan Perlembagaan Negara; atau kebimbangan mengenai mana-mana peruntukan RUU.

Tambahan pula, RUU 355 dikemukakan secara persendirian tanpa perbincangan dan muafakat dengan badan-badan Islam dan ulama lainnya dan tanpa maklumat disampaikan kepada semua termasuk masyarakat bukan Islam.

### **Tindakan Menjurus Kepada Keamanan dan Keadilan**

Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW telah menetapkan hukuman-hukuman bagi enam salah laku iaitu sariqah (mencuri), hirabah (rompakan bersenjata), zina (persetubuhan di luar perkahwinan), qazaf (tuduhan palsu mengenai kemuliaan seseorang), syurb (meminum arak) dan riddah (murtad). Maka umat Islam dikehendaki menerima hukum tersebut. Namun yang dipertikai adalah kaedah melaksanakan ketetapan hudud itu di dalam sesebuah masyarakat dan negara. Kaedah mengkanunkan dan melaksanakan hukuman hudud itu dalam konteks sistem undang-undang dan suasana sesebuah masyarakat harus diteliti dan dihalusi.

Malah, peraturan dan kaedah dalam melaksanakan hukuman hudud seperti yang biasa diutarakan sekarang adalah hasil dari perbincangan ulama dan ilmuwan selama seribu tahun yang kini membentuk pengetahuan kita mengenai kaedah mengkanunkan hukuman hudud.

Syariat Islam merangkumi kesemua ruang hidup dan bermasyarakat. Selain dari hukuman hudud ke atas enam kesalahan di atas, syariat Islam turut meliputi persoalan tatakelola kerajaan dan hubungan diplomatik, tatacara ekonomi, hubungan dengan bukan Islam dan perkara muamalah lain-lain.

Jika difahami matlamat murni Syariah (Maqasid Syariah), setiap tindakan harus menjurus kepada keamanan dan keadilan. Ini yang ditegaskan oleh Imam al-Shatibi dalam al-Muwafaqat dengan menukil jawapan Khalifah Umar Abdul Aziz tatkala mengingatkan anaknya agar jangan gopoh dalam tuntutan menegak hukuman kerana keperluan utama ketika itu adalah untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara. Nukilan lengkapnya adalah seperti berikut:

Putera 'Umar Abdul Aziz, Abdul Malek menggesa ayahnya agar lebih tegas dalam tindakan:

"Ayahanda, mengapa tidak dilaksanakan (perubahan yang lebih pantas)? Demi Allah, aku sedia seandainya kita berdua terkorban demi menegakkan kebenaran!"

Khalifah 'Umar menjawab:

"La taj'al ya bunayya -Jangan gopoh wahai anakku. Allah menyelar arak dua kali di dalam al Quran dan mengharamkannya hanya pada ketiga kalinya. Aku bimbang, seandainya aku paksakan semua kebenaran ke atas manusia (sekaligus), mereka akan menolak keseluruhannya, (dan) ini bermakna akulah akan menjadi penyebab kerosakan lebih besar."[vi]

Sheikh Abdullah bin Bayyah, ulama terkenal semasa pernah mengungkap kebimbangan ini dengan menyatakan:

"Antara maqasid Syariah yang diabaikan oleh ramai orang, apabila tiada menjaga imej baik agama Islam"[vii]

Muhammad Qutb dalam pengantar buku mengenai Sayyid Qutb menolak kecenderungan kalangan yang pantas menghukum. Beliau seringkali mendengar Sayyid Qutb menegaskan:

“Kita adalah da’i bukan qadi, tugas kita bukan menghukum orang...bahawa menghukum orang memerlukan pembuktian yang jelas, pasti dan tidak ada keraguan lagi dan ini adalah di luar kuasa kita, apa lagi memang kita adalah pendakwah, bukan pemerintah.”<sup>[viii]</sup>

Peringatan itu dibuat ketika muncul aliran pelampau agama di Mesir, terutama takala menghadapi regim zalim yang terus mendera pejuang Islam. Namun, bentuk penindasan yang dihadapi tidak mengizinkan tindakan atau kenyataan yang keterlaluan, menghukum atau menghina sewenang-wenangnya. Demikian rumusan Hasan Hudaiby yang mengambil alih tugas sebagai Murshidul Am Ikhwanul Muslimin merasa bertanggungjawab mengulas dalam Du’at La Qudhah – (Pendakwah bukan Penghukum).

### **Al-Qaradawi Mengecam Golongan Pelampau Agama**

Sheikh Yusuf al Qaradawi telah mengecam golongan pelampau agama yang pantas menghukum dan mengkafirkan sesama Islam dalam bukunya mengenai golongan pelampau - muta’asibin sejak tahun 1980 lagi.

Menurutnya Islam menolak kecurigaan tidak berasas, tuduhan melulu, keangkuhan dan mencemuh orang lain seperti, ghuluw (sikap melampau, keterlaluan); tanattu’ (memberatkan

hal titik bengik); dan sikap tashdid (keras) berdasarkan Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Waspada sikap keterlaluan dalam agama. Golongan terdahulu dari kamu musnah akibat keterlaluan tersebut.”

[Riwayat Ahmad, al Nasa’i, Ibn Majah dari Sunan]

Beliau menyingkap pengalaman di Mesir tatkala muncul golongan pelampau, Jama’at al Takfir wa al Hijrah yang mengkafirkan pemerintah yang tidak melaksanakan syariah; dan Muslim yang berbuat dosa dan tidak bertaubat. Hukuman melampau yang sama dikenakan jamaah mereka kepada anggota yang meninggalkan jamaah mereka.

Pendekatan yang dianjurkan oleh Sheikh al Qaradawi adalah agar ditingkatkan usaha dakwah dan pemahaman Islam terutama di kalangan generasi muda dengan pendekatan lebih progresif menginginkan perubahan dan kesegaran Islam dan bukan melalui pendekatan lemah dan lesu. Namun beliau tetap tegas mengkritik corak Islam yang dinaungi penguasa zalim, yang didukung syeikh-syeikh pedagang agama yang berfikiran jumud. Menurutnya, mereka hanya dipamer dalam upacara rasmi, bersekongkol dengan kezaliman dan tidak bersama dalam usaha menentang rasuah dan kezaliman.[\[ix\]](#)

## **Laksana Keadilan dan Kesaksamaan, Tangkis Sikap Melampau**

Tidak syak lagi umat Islam punyai tanggungjawab melaksanakan keadilan dan kesaksamaan serta menunjukkan contoh keperibadian, pentadbiran, dan tata kelola pemerintahan yang baik. Kita harus memberikan kefahaman Islam yang benar, menangkis kejumudan dan sikap melampau serta dengan tegas menolak keganasan. Ia harus tertera daripada keyakinan kita berdasarkan akidah dan syariah yang perlu diterapkan. Pendekatannya haruslah bil hikmah – dengan bijaksana dan tidak menambah kesulitan dan kecurigaan.

Di sebaliknya, keangkuhan dan kegopohan akan mencetuskan perbalahan sengit, malah perpecahan terutama apabila kecurigaan telah disuarakan oleh penganut agama lainnya dan negeri/wilayah majoriti bukan Islam. Suara mereka perlu juga diberi perhatian dan kebimbangan mereka dileraikan bagi mengelak daripada kesan negatif dan merugikan.

## **Pengalaman Indonesia**

Perlu disingkap pengalaman negara Indonesia dengan 90 peratus penduduk Islam mengemudi permasalahan sensitif tatkala bergelut mencapai muafakat nasional memperjuangkan kemerdekaan dalam tahun 1945.

Awalnya, pada 22 Jun 1945, Presiden Soekarno, Muhammad Hatta, pemimpin Islam dan nasionalis sepakat menetapkan dalam Undang-Undang Dasar (Perlembagaan), kalimat



“dengan kewajipan menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya..” (dikenali sebagai Piagam Jakarta)

Namun, dalam Proklamasi kemerdekaan berikutnya pada 17 Ogos 1945, tujuh perkataan tersebut digugurkan. Wakil Presiden Muhammad Hatta menjelaskan bahawa minoriti Kristian (Katolik dan Protestan) membantah kalimat tersebut dan negara menghadapi risiko kerana wilayah majoriti Kristian enggan merdeka bersama negara Indonesia.

Maka Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia berunding semula dengan ulama/wakil badan Islam di antaranya, Kiai Abdul Wahid Hashim, Teuku Muhammad Hasan, Ki Bagus Hadikusuma, Kasman Singodimedjo dan mereka bersetuju memadamkan tujuh perkataan tersebut, “supaya jangan pecah sebagai bangsa...” sambil mengingatkan bahawa semangat Piagam Jakarta tidak lenyap.[\[x\]](#)

### **Teliti Perkembangan Mutakhir Negara-negara Islam**

Perkembangan mutakhir di negara-negara Islam yang mempunyai majoriti penduduk Islam seperti AKP di Turki dan En-Nahdhah di Tunisia harus diteliti kerana selari dengan pendirian KEADILAN. Gerakan En-Nahdhah dibawah pimpinan ulama dan tokoh gerakan Islam terkenal, Sheikh Rachid Al-Ghannouchi, menetapkan asas keamanan, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan pembasmian kemiskinan, tata kelola pemerintahan yang baik, menegakkan sistem yang adil sebagai keutamaan. Pelaksanaan hudud dan pembentukan negara Islam tidak disenaraikan dalam keutamaan Parti Islam tersebut.[\[xi\]](#)

Pandangan tersebut selari dengan gagasan fiqh al-awlawiyyah – urutan keutamaan oleh Sheikh al Qaradawi terutama dalam masyarakat majmuk dan pelbagai agama yang beliau ungkapkan sebagai al ta'adduniyat wa ghayr al Muslimin. Harus dipupuk terlebih dahulu kefahaman Islam mengenai toleransi, keadilan kepada semua. [Lihat Min Fiqh al Daulah fi al-Islam].

Fahaman masyarakat Islam sendiri perlu ditingkatkan bagi mengelak salah faham dan keterlanjuran. Masih ramai rakyat yang terbelenggu dengan masalah kemiskinan dan keperitan hidup; dengan kadar pengangguran masih tinggi. Rasuah kian merebak seperti wabak dan tatakelola amat lemah. Masalah ini juga mendesak dan perlu ditangani bersama oleh semua rakyat, merentas kaum, negeri atau wilayah.

### **Pendirian KEADILAN**

Walaupun KEADILAN mempunyai pendirian sendiri mengenai cara-cara memperkasakan mahkamah syariah, dan walaupun kami mempunyai beberapa kemusykilan dan keraguan berkaitan dengan RUU 355 Ahli Parlimen Marang, KEADILAN menerima dan mengiktiraf hak Ahli Parlimen tersebut untuk mengemukakan rang undang-undang ini melalui usul untuk mendapatkan kebenaran Dewan dan menyokong bahawa usul tersebut dibahas.

Dalam perbincangan atas usul tersebut kami menantikan penjelasan YB Marang dan lebih utama lagi pendirian dan jaminan Perdana Menteri bahawa hak-hak di bawah

Perlembagaan akan dilindungi, sebelum kami memutuskan pendirian seterusnya.

Kami juga ingin menyatakan kemusykilan mengapa RUU 355 ini sengaja dibiarkan berlarutan, terapung di Parlimen. Pada hal, menurut Peraturan Dewan, kerajaanlah yang berkuasa menentukan sama ada usul tersebut akan dibahas. Menterilah yang berkuasa untuk membentangkan semula RUU di Dewan, jika kerajaan bersetuju. Dan akhirnya kerajaanlah yang berkuasa untuk melaksanakan jika diluluskan. Perdana Menteri Datuk Seri Najib memilih untuk membiarkan keadaan tidak menentu dan beliau membisu. Hingga kini, tiada sebarang usaha memberikan penjelasan atau menganjurkan perbincangan dengan wakil parti politik dan masyarakat. Justeru itu, kami tetap memilih jalan muafakat untuk memartabatkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan menjamin kebebasan beragama bagi bukan Islam.

KEADILAN melihat terdapat di dalam usul ini beberapa perkara yang membimbangkan terutamanya kesamaran skop hukuman. Oleh kerana RUU 355 ini melibatkan undang-undang berkaitan kesalahan jenayah berhubung dengan pelanggaran lunas-lunas Islam, maka skop hukuman yang dicadangkan bagi undang-undang ini perlu cukup jelas. Apa-apa pindaan undang-undang yang memberi kuasa untuk menghukum wajib terang dalam maksudnya. Apa-apa perubahan juga perlu jelas supaya undang-undang baru ini adalah selaras dengan apa yang difahamkan sebagai lunas-lunas Islam sendiri. Perbincangan perlu juga atas aspek sama ada pindaan ini adalah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Pendirian KEADILAN untuk RUU 355 dibahaskan adalah untuk memperolehi penjelasan lanjut serta jaminan Perdana Menteri; dan bersyarat bahawa mana-mana pindaan undang-undang sedia ada mesti mematuhi dan memenuhi prinsip-prinsip murni keadilan dan kesaksamaan dalam Islam serta tidak bercanggah dengan teks dan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail**

Presiden

Parti Keadilan Rakyat

Nota kaki:

[i] <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/usaha-perkasa-mahkamah-syariah-tingkatkan-keyakinan-1.83386>

[ii] <http://www.jksnpp.gov.my/jksnpphq/index.php/en/18-penerbitan-mahkamah/81-penjara-khas-pesalah-syariah-perlu-diwujud>

[iii] <https://www.youtube.com/watch?v=7tKbTJueBQ>

[iv] <http://antarapos.com/bm/index.php?q9nan56SpKPKoObnaNGXpVvZn7WnbZFjbg==>

[v] <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pindaan-bukan-pintu-belakang-hudud-1.560256>

[vi] al Shatibi al Muwafaqat, 2:94

[vii] Twitter Friends of BinBayyah.net

[viii] Muqaddimah oleh Muhammad Aliy Qutb, Sayyid Qutb: ash Shahida'l A'zal. Dinukil dari 'Pengantar' Sayyid Qutb Di bawah Lindungan al Quran [Fi Zilal 'L Quran] Surah al Fath dan al Hujurat (terjemahan Siddiq Fadzil), ABIM, Kuala Lumpur, 1986-1406.

[ix] Sheikh Yusuf al Qaradawi Islamic Awakening between Rejection and Extremism (Al-Sohwah al-Islamiyyah Bain al-Juhud wa al-Tatarruf) - IIIT, London, (terjemahan dari edisi kedua, 1991). H. 8-9, 29, 31-33, 84-85, 90-92.

[x] 'Pembentukan Indonesia Merdeka oleh Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia' dari buku Sekitar Proklamasi 17 Agustus 1945, Tinta Mas Indonesia, Cetakan Ketiga, 1981

[xi] [lihat kupasan beliau dalam Al Harakah al Islamiyyah wa masalahat al Taghyir]

## **KEADILAN'S POSITION ON THE BILL 355**

### **Upholding the Principles of Justice**

KEADILAN as a movement for change has always remain committed in the struggle for justice, humanity and based on the Islamic values of "rahmatan lil 'alamin" (a mercy unto the world).

Efforts to strengthen syariah law for Muslims must be continued with wisdom and meticulous explanation to the people.

Efforts to uphold syariah after independence had been done in stages involving steps to strengthen religious institutions such as the zakat (tithe), and dakwah (preaching) as well as broadening the role of the State Islamic Councils/Departments.

In the 1993 Enactment, under the guidance of the late Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, the Kelantan State Government expanded provisions and jurisdictions into different areas of Syariah and takzir (punishment).

At the Federal level, upon the initiatives of the late Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim and Datuk Seri Anwar Ibrahim, Article 121 (1A) was introduced to the Federal Constitution. The introduction upgraded the legal position of the Syariah Courts without infringing the civil on the court rights of non-Muslims. It must be stress that this initiative was discussed by the Islamic Consultation Body, the Islamic Centre (now JAKIM), and the Cabinet.

Steps were taken to improve the structure and institution at the Syariah Courts. Diploma courses for qadi (Syariah court judges) were introduced in the International Islamic University Malaysia to better prepare them for court proceedings and rules of evidence.

### **Steps to be taken by the State Governments**

State Governments had to proceed with additional measures to strengthen the laws and fortify the institutions. The Selangor State Government has successfully added laws and made decisions to fortify Islamic religious institutions including progressively appointed two female judges to the Syariah High Court and added four assistant registrars to the Syariah Lower Court to expedite Syariah proceedings.

The above efforts must continue to develop the Syariah institution as its responsibilities and duties grow. However, we also recognise there are still weaknesses that we must first overcome. The vast difference in remuneration between the Syariah Court judges and the Civil Court judges is one such flaw. This flaw was revealed by Dato' Dr Mohammad Na'im Mokhtar, the Chief Judge of the Selangor Syariah Court, whereby a Syariah Court judge hearing a child custody case receives a wage of RM6,000 whereas a civil court judge handling the same case would receive a wage of RM40,000. [i]

The large differential in wages is unacceptable even if we consider the different level of experiences among the judges.

The Penang State Government has also doubled its funding to the State Religious Department/Council. Even so there are limitations and weaknesses in executing the decisions of the Syariah Courts without action that can only be taken by the Federal Government. We have faced similar experience despite the efforts of the Kelantan State Government to increase the powers of the Syariah Court under the 1993 Enactment.

The Penang Syariah Judicial Department has exposed not only the flaws but also the violation of basic principles of Islamic punishment, whereby convicts under Syariah law are imprisoned together with other civil and criminal offenders such as drug abusers, rapists, and burglars. Those convicted under Syariah law should be rehabilitated separately under principles of education and repentance. [ii]

### **Identifying and Rectifying Shortcomings**

There are other shortcomings in understanding and implementing Syariah law, and these must be identified and rectified. For instance, qualified preachers are currently barred and disqualified on the grounds they lack official certificate, as in the cases of Ustaz Mat Isa Deraman; Perlis Mufti Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin; Ustaz Abdullah Yassin; and in the more severe case of Ustaz Rasul Dahri, he was given a one-year imprisonment.

Deviant teachings and incitements to violence are to be barred; sound preaching however should not be hindered.



Another obvious flaw lies in the position and authority of the Chief Syariah Prosecutor as department officer, and, for Federal Territories, is under the Director-General of the Department of Islamic Affairs. Instead, the Chief Prosecutor must be independent in terms of law and jurisdiction as per the Malaysian Attorney-General who has the prosecution powers under Article 145 of the Constitution.

Otherwise, his decision will be deemed suspect as per the Datuk Seri Anwar Ibrahim Syariah Court case. Despite the qazaf report filed in 2008, the Chief Syariah Prosecutor had failed to take any action. The case mired on the technical question of why the Chief Prosecutor's has refused to prosecute. Meanwhile, the Syariah High Court in Shah Alam on 27 October 2016 has referred the provision on qazaf offences (which is now limited to alleged zina) to be determined by the legislative, ie Selangor State Legislative Assembly.

### **Confusion Surrounding the Proposed Amendments to Act 355**

We respect and understand the aspirations of the majority of Muslims in Malaysia who wish to see the enhancement of the Islamic legal system. We also note the efforts of PAS through the Private Member's Bill put forth by the Member of Parliament for Marang (RUU 355) as an attempt to reinforce the Syariah Court.

The proposed amendments to the Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Act 355) intend to increase the penal

limits according to Syariah laws short of the death penalty. It will effectively remove the current limits of three years' imprisonment, a fine of up to five thousand ringgit, and six strokes of the rotan, except for the punishment of death.

Prior to this, the provisions do not reflect any intentions to implement hudud penalties, except to increase punishments and also the jurisdiction of the Syariah Court. We understand that RUU 355 was referred to a joint Technical Committee comprising representatives from the Federal Government (UMNO) and the Kelantan State Government (PAS). Failure of UMNO led states to take action, strangely was not raised.

There has been no publicly available information of the discussions by the committee until last August 2016, when a central committee member, Associate Prof. Dr. Shamrahayu Abdul Aziz opined that RUU 355 is not included in the road map discussed by the Technical Committee. She asserted that any amendment to Act 355 should be tabled by the Federal Government and not via a Private Member's Bill. [iii]

The PAS Secretary General, Dato' Takiyuddin Hassan rejected the perception that RUU 355 is equivalent to hudud. [iv] Minister in the Prime Minister's Department, Dato' Seri Jamil Khir Baharom affirmed that the amendments have no relation to hudud. [v] On October 26<sup>th</sup> 2016, Tuan Guru Hj Hadi Awang explained in Parliament that the RUU was not hudud.

Meanwhile, several non-Muslim politicians from Barisan Nasional and DAP have objected to the proposed amendments, on the grounds that RUU 355 is in conflict with

the Constitution. Leaders from Sabah and especially Sarawak sternly contested RUU 355 on the basis that it is against the founding principles of the Federation of Malaysia.

### **Societal Perception**

Due to the lack of clarity and understanding of RUU 355, the perception among many Muslims is that the amendments are to implement Syariah, and particularly hudud laws. Proponents of RUU 355 alleged religious infidelity amongst Muslims who oppose the amendments, and at the same time declared non-Muslims as kafir harbi (belligerent infidels). Without reading the proposed amendments carefully, many Muslims have misconstrued the amendments as being hudud law as per the al Quran.

Without proper understanding, it is unfair for any party to question the right of others to have differing opinions on the administration of Syariah law, hudud, or the proposed amendments themselves.

Similarly, it is wrong to consider the proposed amendments as hudud law that cannot be disputed or questioned. We also have to carefully consider the interpretation that these amendments may be contrary to the Federal Constitution; or the concerns in any of the RUU's provisions.

In addition, RUU 355 was crafted in isolation without consultation and discussion with Islamic bodies and clerics, and omitted to provide information to all including non-Muslims.

## **Steps Towards Peace and Justice**

Al-Quran dan the teachings (Sunnah) of the prophet (peace be upon him) have ordained the punishment of six offences, namely sariqah (theft), hirabah (robbery and civil disturbance against Islam), zina (adultery), qazaf (sexual slander), syurb (intoxication) and riddah (apostasy). Thus, muslims must accept the ordains. What is in dispute nevertheless, is the approach in executing the punishment in a society and a state. The approach in codifying and executing the hudud punishments in the context of the legal systems and societal situation must be scrutinised and refined.

In fact, the regulations and approach in the execution of hudud punishment as is raised now are the product of discussions among clerics and scholars over a thousand years which now formed our knowledge of the approach to codify hudud punishment.

The Islamic Syariah comprise all living space and social community. Apart from the hudud punishment for the six offences above, Islamic Syariah covers issues of good governance and diplomatic relations, economic governance, non-Muslim relationship and all other affairs.

To understand Syariah (Maqasid Syariah) is to acknowledge that every action under Syariah must be on the side of peace and justice. This position was reiterated by Imam al-Shatibi in al-Muwafaqat. He cited the story of Caliph Umar Abdul Aziz's advice to his son to not be reckless in meting punishment and that the ultimate goal is to have a peaceful and safe nation.

The full excerpt of the advice is as follows:

Abdul Malek urged his father, Umar Abdul Aziz to be more stern in action:

“Father, why are we not executing (faster reforms)? By Allah, I am ready to sacrifice both of us to uphold the truth!”

Caliph Umar answers:

“La taj’al ya bunayya - Haste not, my son! Verily Allah denounced the consumption of alcohol twice in the al Quran and banned it on the third time. I fear should I force the truth upon mankind (all at once), they will reject everything, (and) that would mean I would have caused greater damage.”[vi]

Sheikh Abdullah bin Bayyah, a famous cleric once stated similar concerns on the matter, saying:

“If we fail to protect the good image of Islam, the people will abandon Maqasid Syariah” [vii]

Muhammad Qutb, in his foreword for a book about Sayyid Qutb, admonishes those who tend to be quick to punish. He recalls Sayyid Qutb’s persistent message that:

“We are missionaries and not judges, our duty is not to punish people... meting out punishments requires proof beyond doubt, which is not within our powers to ascertain, what more we are merely preachers and not rulers.” [viii]

This reminder was made during the rise of religious extremism in Egypt, facing tyrannical regimes that persecuted Islamic

champions. Even under such duress, it is unacceptable to issue extreme views or to callously punish and insult others. Thus was the conclusion of Hasan Hudaiby who took over as Murshidul Am (spiritual leader) of Ikhwanul Muslimin (Muslim Brotherhood) and felt the responsibility to comment in Du'at La Qudhah – (preacher not punisher).

### **Al Qaradawi's Criticisms Against Religious Fanaticism**

In his books published since 1980 on religious fanatics - muta'asibin, Sheikh Yusuf al Qaradawi has come out against religious fanatics who are quick to punish fellow Muslims and declare them infidels.

He maintains that Islam rejects unfounded suspicions, wild accusations, pride, and ridiculing others – for instance, ghuluw (fanaticism or excessiveness); tanattu' (meticulous or detailed religiosity); and tashdid (harshness) based on a Hadith of the Prophet SAW:

“Be wary of extremism in religion. Those before you perished for being overzealous.”

[Narrated by Ahmad, al Nasa'i, Ibn Majah from Sunan]

Sheikh al Qaradawi related Egypt's history with the fanatical group Jama'at al Takfir wa al Hijrah. This radical group labelled rulers who do not implement Syariah and Muslims who sin without repenting as infidels. This group also meted out severe punishments onto members who left their congregation.

Sheikh al Qaradawi espouses greater efforts of dakwah and understanding, especially amongst the youth, towards more progressive reform to revitalise Islam. He rejects a weak and subdued approach to Islam.

He also staunchly criticises the strain of Islam dominated by tyrants and supported by religion-peddling Sheikhs of rigid mind-sets. To him, they are merely figureheads in official ceremonies, whilst working with tyrants and making no efforts to eradicate corruption and tyranny. [ix]

### **Ensuring Justice and Equity, Avoiding Extremism**

All Muslims have a civic responsibility to ensure justice and equity, as well as to display exemplary character, proper management and good governance. We must propagate true understanding of Islam, and avoid extremism and violence. These must come from a foundation of faith and syariah. The approach should be with wisdom – bil hikmah – without adding difficulties and suspicions.

Pride and impulsiveness will only trigger bitter disputes, especially if distrust is voiced by followers of other religions emanating from states where non-Muslims are the majority. Their voices must also be given attention and their concerns unwind to avoid negative and detrimental consequences.

## **The Indonesian Experience**

We can learn from the Indonesian experience. Having a 90% Muslim population, Indonesia managed to navigate through sensitive issues and achieve national consensus to achieve independence in 1945.

On 22 June 1945, President Soekarno, Muhammad Hatta, and Islamic and nationalist leaders agreed to include in the Constitution the phrase, "obligation to follow Islamic Sharia for its adherents" (known as the Jakarta Charter).

However, in the subsequent Proclamation of Independence on 17 August 1945, the above phrase was dropped. President Muhammad Hatta's representative explained that the Christian minority (Catholics and Protestants) objected the phrase and the country was at risk of losing the Christian-majority regions.

As such, the Indonesian Independence Preparatory Committee sat down and renegotiated with Islamic scholars and representatives of Islamic bodies, including Kiai Abdul Wahid Hashim, Teuku Muhammad Hasan, Ki Bagus Hadikusuma, and Kasman Singodimedjo. They agreed to drop the phrase on the grounds to keep the Jakarta Charter alive "lest we split as a nation." [x]

## **Observing the Recent Developments in Islamic Countries**

Recent developments in Muslim majority countries such as AKP in Turkey and En-Nahdhah in Tunisia should be studied because it is in line with KEADILAN's position. The en-Biro Penerangan & BiPPA



Nahdhah movement led by the scholar and leader Sheikh Rachid Al-Ghannouchi, prioritised building a foundation of peace, democracy, economic growth, poverty reduction, good governance, and rule of law. Neither hudud law nor the formation of an Islamic state is prioritised by the Islamic party. [xi]

This view is consistent with the fiqh al-awlawiyyah (order of priority) – espoused by Sheikh al Qaradawi that for a pluralistic society we need al ta'adduniyat wa ghayr al Muslimin. It is important to first foster Islamic understanding based on tolerance and justice for all. [See Min Fiqh al Daulah fi al-Islam].

The Muslim community itself should better understand Islam to avoid misunderstandings and being judgemental. Many are still suffering from poverty and hardship, and unemployment is rife. Corruption is spreading like a disease, and governance is extremely weak. These problems must be addressed urgently by all regardless of race, state, or territory.

### **KEADILAN's Position**

KEADILAN has its own proposals on ways to strengthen the Syariah Court. Despite having concerns and reservations regarding RUU 355 as proposed by the Member of Parliament for Marang, we accept and recognise his right to submit the bill to Parliament via a motion and to debate the same.

In the event of a debate on the motion and before we make the next decision, we await YB Marang's explanations, but

more importantly, we want to hear the Prime Minister's stand and guarantee that all rights under the Constitution will be protected.

We would also like to know the reason why RUU 355 was deliberately left floating in Parliament when according to the Dewan Rakyat's regulations, the Government has the powers to decide whether a bill will be debated. The Minister has the powers to re-table the RUU in the Dewan if the Government agrees. And finally, the Government has the power to execute the bill if it is approved. The Prime Minister Datuk Seri Najib chose to be silent and let uncertainty remains. Until now, there has been no effort to explain nor hold discussions with representatives from political parties and the community. We have chosen the path of mutual understanding to uphold Islam as the religion of the Federation while guaranteeing religious freedom for non-Muslims.

KEADILAN has identified several worrying matters in this motion due to its ambiguity on the matter regarding the scope of punishments. Since the proposals involve criminal laws that conflict with Islamic laws, the proposed punishments have to be absolutely certain. Whatever amendments that deal with punishments must be precise in their meaning. Any proposed amendments need to be absolutely aligned with Islamic laws. We also need to consider whether the amendments fit into the framework of the Federal Constitution.

KEADILAN's position is predicated on the condition that any debate on the RUU 355 motion and its amendments to existing laws is to acquire further explanation and guarantee from the Prime Minister; and must comply and fulfill Islamic principles of justice and fairness, and do not contradict the text and the spirit of the Federal Constitution and the Malaysia Agreement.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail**

President

Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN)

Footnotes:

[i] <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/usaha-perkasa-mahkamah-syariah-tingkatkan-keyakinan-1.83386>

[ii] <http://www.jksnpp.gov.my/jksnpphq/index.php/en/18-penerbitan-mahkamah/81-penjara-khas-pesalah-syariah-perlu-diwujud>

[iii] <https://www.youtube.com/watch?v=7tIKbTJueBQ>

[iv] <http://antarapos.com/bm/index.php?q9nan56SpKPkOObnaNGXpVvZn7WnbZFjbg==>

[v] <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pindaan-bukan-pintu-belakang-hudud-1.560256>

[vi] al Shatibi al Muwafaqat, 2:94

[vii] Twitter Friends of BinBayyah.net

[viii] Introduction by Muhammad Aliy Qutb, Sayyid Qutb: ash Shahida'l A'zal. Taken from 'Pengantar' Sayyid Qutb Di bawah Lindungan al Quran [Fi Zilal 'L Quran] Surah al Fath and al Hujurat (translation by Siddiq Fadzil), ABIM, Kuala Lumpur, 1986-1406.

[ix] Sheikh Yusuf al Qaradawi Islamic Awakening between Rejection and Extremism (Al-Sohwah al-Islamiyyah Bain al-Juhud wa al-Tatarruf) - IIIT, London, (terjemahan dari edisi kedua, 1991). H. 8-9, 29, 31-33, 84-85, 90-92.

[x] 'Pembentukan Indonesia Merdeka oleh Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia' from 'Sekitar Proklamasi 17 Agustus 1945', Tinta Mas Indonesia, Cetakan Ketiga, 1981

[xi] [see his explanation and elaboration in Al Harakah al Islamiyyah wa masalat al Taghyir]



BIRO PENERANGAN & BIRO PEMAHAMAN & PEMANTAPAN AGAMA  
PARTI Keadilan Rakyat